

SINAR HARIAN • RABU 1 DISEMBER 2021

NASIONAL

Pusat ESC  
Satelit singkatkan  
tempoh menunggu  
ekspatriat untuk  
masuk negara

Oleh MOHD HARIS FADLI  
MOHD FADZIL

SEPANG

**P**emerolehan pelekat Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dapat diselesaikan hanya dalam sehari menerusi Pusat Servis Divisyen Ekspatriat (ESD) Satelit (ESC) yang dilancarkan di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada Selasa.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, inisiatif berkenaan memberi kemudahan kepada ekspatriat yang ingin mendapatkan PLKS untuk masuki sempadan negara

# Peroleh PLKS dalam masa sehari

tanpa perlu menunggu 30 hari seperti sebelum ini.

Menurutnya, sebelum ini menerusi sistem lama, ekspatriat perlu memohon dari luar negara sebelum diberikan pas Imigresen dan apabila tiba di negara ini mereka perlu menunggu 30 hari sebelum mendapat pelekat PLKS atau pas penggajian.

“Ia menjadi satu perkara yang merumitkan kepada ekspatriat kerana ada antara mereka yang hanya masuk selama dua minggu, jadi kita buat sistem ESC yang lebih pantas daripada mana-mana sistem di dunia,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pusat ESC Satelit di sini pada Selasa.

Hamzah berkata, sistem baru ini bukan sahaja ber-



Hamzah (dua dari kanan) ketika melancarkan Pusat ESC Satelit di balai ketibaan KLIA pada Selasa.

manfaat kepada penduduk tempatan malah memudahkan urusan ekspatriat, pelabur asing dan dewan perniagaan dari dalam dan luar negara.

“Saya telah uji sistem ini

dengan seorang pekerja dari sebuah kilang pembuatan besi, di mana dia masuk ambil tiket lalu terus pergi ke kaunter dan tidak sampai seminit dia dapat pelekat PLKS,” katanya.